



Ruj. Kami: KPM.100-1/3/1 Jld. 6 (29)
Tarikh : 21 Jun 2021

**Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 3 TAHUN 2021**

**GARIS PANDUAN PENGOPERASIAN PROGRAM PENDIDIKAN PINTAR CERDAS
DI SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

TUJUAN

Surat Pekeling Ikhtisas (SPI) ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan Garis Panduan Pengoperasian Program Pendidikan Pintar Cerdas (PPPC) di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

LATAR BELAKANG

2. PPPC merupakan salah satu inisiatif dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Murid yang mengikuti PPPC akan mendapat akses kepada pengajaran dan pembelajaran khusus dan luwes daripada pakar dalam memperkembangkan lagi potensi mereka secara optimum. Pelaksanaan PPPC ini juga merupakan satu usaha untuk membangunkan modal insan ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan berdaya saing pada peringkat global.

3. Mesyuarat Profesional KPM Bil. 31/2019 bertarikh 29 Ogos 2019 telah meluluskan pelaksanaan PPPC di sekolah KPM. PPPC akan dilaksanakan secara rintis di sebuah sekolah berasrama penuh pada tahun 2021. Selaras dengan itu, Mesyuarat Profesional KPM Bil. 18/2021 bertarikh 18 Mei 2021 telah meluluskan Garis Panduan Pengoperasian PPPC di sekolah KPM.

PELAKSANAAN

4. Garis Panduan Pengoperasian Program Pendidikan Pintar Cerdas Di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia yang dilampirkan bersama-sama SPI ini adalah untuk menjelaskan secara terperinci tentang peranan dan tanggungjawab semua pihak yang terlibat.

TARIKH KUAT KUASA

5. SPI ini **berkuat kuasa serta merta** mulai pada tarikh SPI ini dikeluarkan.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

6. YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan memaklumkan kandungan SPI ini kepada semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah, sekolah dan guru bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/Dr./tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI ADZMAN BIN TALIB)

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Operasi Sekolah)

merangkap Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. YB. Menteri Kanan Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. YB. Timbalan Menteri Pendidikan I
Kementerian Pendidikan Malaysia
 3. YB. Timbalan Menteri Pendidikan II
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 7. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 8. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN PENGOPERASIAN PROGRAM PENDIDIKAN PINTAR CERDAS DI SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

ISI KANDUNGAN

GARIS PANDUAN PENGOPERASIAN PROGRAM PENDIDIKAN PINTAR CERDAS DI SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Tajuk	Muka Surat
1.0 Pendahuluan	3 - 9
2.0 Objektif	9
3.0 Takrifan Operasi	10-11
4.0 Peranan dan Tanggungjawab	11-12
5.0 Pengoperasian PPPC	12-22
6.0 Penutup	23


1.0 Pendahuluan

1.1 Program Pendidikan Pintar Cerdas (PPPC) merupakan salah satu inisiatif dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Murid yang mengikuti PPPC akan mendapat akses kepada Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) khusus dan luwes daripada pakar dalam memperkembangkan lagi potensi mereka secara optimum. Pelaksanaan PPPC ini juga merupakan satu usaha untuk membangunkan modal insan yang mempunyai kepakaran khusus ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan berdaya saing pada peringkat global.

1.2 Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Bil. 36/2017 pada 7 Disember 2017 telah meluluskan Konsep PPPC. Mesyuarat Profesional KPM Bil. 20/2018 pada 19 Julai 2018 telah meluluskan Dasar Pendidikan Pintar Cerdas. Mesyuarat Profesional KPM Bil. 31/2019 pada 29 Ogos 2019 telah meluluskan Pelaksanaan PPPC di sekolah KPM. Mesyuarat Profesional KPM Bil. 18/2021 bertarikh 18 Mei 2021 telah meluluskan Garis Panduan Pengoperasian PPPC di sekolah KPM.

1.3 Kerangka Konsep PPPC yang diluluskan dalam Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Bil. 36/2017 pada 7 Disember 2017 adalah seperti di Rajah 1.

RAJAH 1: KERANGKA KONSEP PPPC



1.4 PPPC berfokus kepada memperkembangkan potensi murid pintar cerdas secara optimum dan holistik daripada aspek kognitif, kreativiti, kepimpinan, sosial, jasmani dan rohani, serta nilai berasaskan kurikulum kebangsaan dan kurikulum tambahan serta disokong dengan program-program pecutan, pengayaan, pedagogi yang mengutamakan perbezaan individu, penaksiran yang berterusan, sokongan psikologi, motivasi, serta pelibatan dalam penyelidikan. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan modal insan yang progresif dan futuristik, pencipta teknologi, penggerak kemajuan dan tamadun negara yang menyumbang kepada peningkatan kemakmuran serta kesejahteraan hidup sejagat.

1.5 PPPC memerlukan strategi yang bersepadu dan sesuai dengan tahap kognitif murid. Berikut ialah program yang akan dilaksanakan:

1.5.1 Program Pembelajaran Pecutan

i. Program Pembelajaran Pecutan merujuk kepada pengubahsuaian yang dilakukan terhadap tempoh masa pembelajaran untuk memenuhi keupayaan kognitif, kreativiti dan kemahiran seseorang. Pembelajaran Pecutan dalam sistem pendidikan kebangsaan memenuhi keperluan kognitif murid pintar cerdas untuk menghabiskan kurikulum persekolahan atau program dalam masa yang singkat. Pembelajaran pecutan

dilaksanakan dengan memampatkan kurikulum sama ada berasaskan subjek atau antara subjek atau secara kurikulum modular. Pembelajaran pecutan akan membenarkan murid menduduki peperiksaan awam lebih awal serta kemasukan awal ke universiti.

1.5.2 Program Pengayaan

- i. Program pengayaan bertujuan untuk meningkatkan keupayaan murid pintar cerdas. Program ini melibatkan kurikulum lanjutan, penyelidikan dengan kerjasama universiti, aktiviti antarabangsa seperti menyertai pertandingan di luar negara. Program ini juga merangkumi pengubahsuaian dari segi kandungan dan juga strategi pengajaran dan pembelajaran yang direka khas untuk murid berdasarkan keperluan bakat mereka. Aktiviti pengayaan melibatkan aktiviti penerokaan, latihan individu atau berkumpulan ke atas bakat yang terserlah pada diri murid pintar cerdas.
- ii. Aktiviti pengayaan berlandaskan kepada tiga jenis pendekatan, iaitu pendekatan berorientasikan proses bagi membina perkembangan minda murid ke tahap yang lebih tinggi agar dapat mempertingkatkan hasil kreativiti dan inovasi mereka. Kedua, pendekatan berorientasikan isi kandungan yang menekankan penyampaian isi kandungan bidang tertentu seperti seni

visual, seni muzik, sukan, bahasa dan matematik yang diberi secara terperinci dan mencakupi skop yang lebih mendalam daripada kurikulum sedia ada. Ketiga, pendekatan berorientasikan hasil yang menekankan penghasilan bahan atau produk seperti kajian, projek, laporan, lukisan dan novel yang dihasilkan menerusi proses berfikir aras tinggi.

iii. Program pengayaan melibatkan pendekatan pembelajaran terbeza yang boleh dijalankan mengikut tahap kognitif murid. Pembelajaran terbeza bertumpu kepada perancangan strategi kepada individu, kumpulan dan kelas yang pelbagai dan bergantung kepada persekitaran, kandungan dan aktiviti pembelajaran. Pembelajaran dibezakan pada semua aspek termasuk matlamat pembelajaran, hasil pembelajaran, aktiviti dan projek yang dilaksanakan, strategi, bahan-bahan bantu mengajar dan cara pentaksiran untuk mengukur kemajuan pembelajaran murid.

1.6 Pernyataan Dasar Pendidikan Pintar Cerdas yang telah diluluskan adalah seperti yang berikut:

Pendidikan Pintar Cerdas membolehkan murid yang memiliki dan menunjukkan keupayaan melebihi murid sebaya dalam salah satu aspek, iaitu intelek, kreativiti, kemahiran, kerohanian atau gabungan aspek tersebut bagi memperkembangkan potensi dan pencapaian

yang sangat menyerlah melalui satu atau lebih disiplin ilmu atau kebolehan bakat tertentu (Mesyuarat Profesional KPM Bil. 20/2018 bertarikh 19 Julai 2018).

1.7 Matlamat PPPC adalah untuk membangunkan dan membentuk individu yang sangat menyerlah dalam salah satu aspek, iaitu intelek, kreativiti, kemahiran, kerohanian atau gabungan aspek tersebut secara holistik bagi memenuhi keperluan modal insan negara yang progresif dan futuristik, berdaya cipta serta pencipta teknologi, penggerak kemajuan dan tamadun yang menyumbang kepada pembangunan, kemakmuran kesejahteraan, dan kehidupan sejagat.

1.8 Objektif PPPC adalah untuk:

- i. mengenal pasti murid pintar cerdas termasuk murid berkeperluan khas yang memenuhi syarat dan melepas ujian saringan yang ditetapkan bagi membangun, memupuk dan menggilap potensi murid pintar cerdas secara menyeluruh dan seimbang melalui program pengayaan dan pecutan pembelajaran;
- ii. menyediakan peluang dan sokongan kepada murid pintar cerdas agar mereka mampu bersaing lebih awal di peringkat tempatan dan global;

- iii. melahirkan murid pintar cerdas menjadi ilmuwan dan pakar rujuk dalam pelbagai disiplin ilmu untuk menyumbang kepada pembangunan negara;
- iv. melahirkan murid pintar cerdas yang berilmu, berakhlak dan berperibadi mulia serta berketerampilan bagi menjayakan visi, misi dan aspirasi negara; dan
- v. membentuk murid pintar cerdas yang dapat meningkatkan imej negara di arena antarabangsa dan menyumbang kepada kelestarian kehidupan sejagat.

2.0 Objektif

Objektif Garis Panduan Pengoperasian PPPC di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia adalah untuk memastikan:

- 2.1 pengurusan sekolah PPPC dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan lancar;
- 2.2 proses PdP berfokuskan kepada konsep yang bersesuaian dengan murid pintar cerdas secara terancang dan terarah dalam memperkembangkan potensi murid secara menyeluruh; dan
- 2.3 pemakluman kaedah pemilihan dan saringan murid yang mengutamakan tahap kecerdasan minda tertinggi.

3.0 Takrifan Operasi

Takrifan operasi yang dinyatakan di bawah digunakan untuk tujuan pelaksanaan PPPC sahaja seperti berikut:

3.1 PPPC

Program Pendidikan Pintar Cerdas di Sekolah KPM menggunakan konsep pembelajaran pecutan dan pengayaan kepada murid berumur seawal 11+ tahun yang dipilih setelah melepassi ujian saringan kepintaran intelek (UKM1 dan UKM2) dan Ujian Kompetensi STEM (UKM3) ;

3.2 Sekolah PPPC

Sekolah Menengah Sains Pendang, Kedah – berdasarkan sekolah yang diluluskan dalam Mesyuarat Profesional KPM untuk melaksanakan PPPC;

3.3 Guru PPPC

Guru yang melepassi saringan ujian psikometrik dan mengikuti latihan PPPC;

3.4 Murid Pintar Cerdas

Murid yang melepassi Ujian Saringan kepintaran intelek (UKM1 dan UKM2) dan Ujian Kompetensi STEM (UKM3) untuk mengikuti PPPC.

3.5 Model Pembelajaran

Model pembelajaran yang berteraskan kurikulum kebangsaan (SPM & STPM) dan diperkayakan dengan kursus-kursus di peringkat universiti dan antarabangsa dengan melibatkan elemen mampatan, pecutan dan pengayaan bagi memenuhi keperluan kebolehan tinggi murid pintar cerdas.

4.0 Peranan dan Tanggungjawab

Peranan dan tanggungjawab yang dilaksanakan oleh bahagian yang terlibat adalah seperti berikut:

- 4.1 Dasar PPPC- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP);
- 4.2 Penyelaras kurikulum PPPC- Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK);
- 4.3 Peperiksaan PPPC- Lembaga Peperiksaan(LP);
- 4.4 Bahan sumber murid pintar cerdas- Bahagian Sumber Teknologi Pendidikan (BSTP);
- 4.5 Latihan guru PPPC- Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM);

- 4.6 Latihan pemimpin sekolah PPPC dan Semakan kandungan penyampaian psikologi dan kaunseling oleh pembekal perkhidmatan- Institut Aminuddin Baki (IAB);
- 4.7 Pemeriksaan PPPC- Jemaah Nazir (JN);
- 4.8 Pengenalpastian murid pintar cerdas- Bahagian Genius (BGenius);
- 4.9 Struktur perjawatan -Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM);
- 4.10 Pengurusan pengoperasian bimbingan dan kaunseling - Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH); dan
- 4.11 Pengujian dan penilaian dalam kaunseling psikologi- Bahagian Psikologi Kaunseling (BPsK).

5.0 Pengoperasian Program Pendidikan Pintar Cerdas

- 5.1 PPPC akan dilaksanakan secara kolaboratif antara KPM dan UKM untuk tempoh lima tahun mulai tahun 2021. Konsep PPPC adalah berdasarkan Pembelajaran Pecutan menggunakan Kurikulum Kebangsaan yang dimampatkan dan Program Pengayaan dengan merujuk sepenuhnya kepada model pembelajaran yang diguna pakai oleh Kolej GENIUS@Pintar, UKM.

5.2 UKM bersedia untuk meneruskan perkhidmatan secara perjanjian persefahaman (MOU) bagi kohort murid yang seterusnya bagi memastikan kelangsungan PPPC.

5.3 Model pembelajaran yang digunakan merangkumi lima komponen asas iaitu;

5.3.1 Komponen pembelajaran;

5.3.2 Ko-kurikulum ;

5.3.3 Penyelidikan ;

5.3.4 Pembinaan Jati diri; dan

5.3.5 Portfolio pendidikan dan laluan kerjaya.

5.4 Pengurusan Pentadbiran

5.4.1 Pengoperasian PPPC adalah seperti yang berikut:

- i. jumlah murid dalam kelas adalah antara 15-20 orang;
- ii. tempoh persekolahan antara 3 - 5 tahun mengikut tahap dan kebolehan murid pintar cerdas;
- iii. mengikut sistem sekolah aliran perdana; dan
- iv. murid pintar cerdas perlu mengikuti mata pelajaran teras, dan wajib serta boleh mengikuti semua mata pelajaran elektif peringkat menengah yang ditawarkan dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

5.4.2 Tenaga pengajar yang ditempatkan di sekolah PPPC terdiri daripada Guru Akademik bermula pada Gred DG41 mengikut opsyen yang berkebolehan tinggi dalam bidang mereka dan mengikut keperluan serta kecenderungan minat murid pintar cerdas. Keutamaan pemilihan tenaga pengajar adalah yang mempunyai kelulusan ijazah sarjana mengikut disiplin ilmu tertentu dan mempunyai kemahiran menjalankan penyelidikan dan penerbitan.

5.4.3 Pelaksanaan PPPC menggunakan norma perjawatan yang bersesuaian kerana murid pintar cerdas akan didedahkan dengan kandungan mata pelajaran yang luas dan mendalam mengikut tahap murid. Selain daripada itu, Guru Akademik, Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) dan Pegawai Psikologi PPPC perlu menangani masalah sosio-emosi murid pintar cerdas yang kompleks.

5.4.4 Guru Akademik dan GBK PPPC perlu melalui penilaian psikometrik sebelum dipilih dan ditempatkan sebagai tenaga pengajar. Instrumen psikometrik merangkumi aspek personaliti dan kecerdasan emosi. Maklumat profil psikologi yang diperolehi daripada penilaian ini akan digunakan untuk memilih calon tenaga pengajar yang berdedikasi dan kompeten daripada aspek psikologi.

5.4.5 Bagi memastikan guru PPPC bersedia untuk melaksanakan pentadbiran, pengurusan sekolah dan pengurusan pembelajaran, guru PPPC perlu mengikuti latihan yang bersesuaian dengan tujuan melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan.

5.4.6 Jurulatih utama (JU) terpilih dari Institut Pendidikan Guru dan IAB mengikuti latihan PPPC bagi tujuan melaksanakan latihan kepada guru PPPC yang baharu.

5.4.7 IPGM bersama JU PPPC akan membangunkan Diploma Pasca siswazah Pendidikan Pintar Cerdas untuk melatih guru PPPC baharu.

5.4.8 Pengurusan kewangan adalah berdasarkan kepada pekeliling dan peraturan sedia ada yang berkuat kuasa.

5.5 Pengurusan Kurikulum

5.5.1 Senarai mata pelajaran mengikut tahap di sekolah yang melaksanakan PPPC adalah seperti berikut:

Tahap	Komponen Pembelajaran	Sijil
Asas 1, Asas 2 dan Asas 3	<p>Kursus Teras:</p> <p>Bahasa Melayu</p> <p>Bahasa Inggeris</p> <p>Sejarah</p> <p>Sains</p> <p>Matematik</p> <p>Pendidikan Islam/Pendidikan Moral</p> <p>Kursus Wajib</p> <p>Pendidikan Jasmani dan Kesihatan</p> <p>Kursus Elektif:</p> <p>Matematik Tambahan</p> <p>Fizik</p> <p>Kimia</p> <p>Biologi</p> <p>Pembangunan Kendiri (<i>Self Development</i>)</p> <p>Muzik</p> <p>Kemahiran Penyelidikan</p> <p>Falsafah</p> <p>Bahasa Antarabangsa (Mandarin, Perancis, Jerman, Korea, Jepun dan Arab)</p> <p>Seni Visual (Asas 2)</p>	<p>Sijil Pelajaran Malaysia(SPM) & GENIUS@Pintar <i>Junior Certificate</i> yang dikeluarkan oleh pembekal perkhidmatan UKM atau sijil yang setaraf dengannya</p>

Tahap	Komponen Pembelajaran	Sijil
	<p><i>Introduction to Psychology and Human Behavior/</i></p> <p><i>Introduction to English Literature</i></p> <p>(Asas 3)</p>	
Tahap 1 dan Tahap 2	<p>Kursus Teras:</p> <p>Bahasa Melayu</p> <p>Bahasa Inggeris</p> <p>Sejarah</p> <p>Sains</p> <p>Matematik</p> <p>Pendidikan Islam/Pendidikan Moral</p> <p>Kursus Wajib</p> <p>Pendidikan Jasmani dan Kesihatan</p> <p>Kursus Kepujian:</p> <p><i>Aljabar Linear dan Calculus</i></p> <p>Jati Diri</p> <p>Penyelidikan</p> <p>Matematik Tulen</p> <p>Bahasa Antarabangsa</p> <p>Advanced Placement(AP) Wajib:</p> <p><i>AP Statistic</i></p>	<p>GENIUS@Pintar</p> <p><i>High School Diploma</i> yang dikeluarkan oleh pembekal perkhidmatan UKM atau sijil yang setaraf dengannya</p>

Tahap	Komponen Pembelajaran	Sijil
	<p><i>AP Physics</i> <i>AP Chemistry</i> <i>AP Biology</i></p> <p>AP Elektif:</p> <p><i>AP Psychology</i> <i>AP English Literature and Composition</i></p>	

Jadual 1: Senarai mata pelajaran mengikut tahap di sekolah yang melaksanakan PPPC

5.5.2 Bahasa pengantar bagi sekolah PPPC ialah Bahasa Melayu. Bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa PdP untuk mata pelajaran berdasarkan *Science, Technology, Engineering and Mathematics* (STEM) dan mata pelajaran elektif kurikulum lanjutan.


5.5.3 Murid pintar cerdas yang ingin menduduki peperiksaan SPM lebih awal perlu mendapatkan kebenaran khas bertulis daripada Pengarah Peperiksaan, Lembaga Peperiksaan (LP) berdasarkan Buku Panduan Pengurusan Peperiksaan (2018). Perkara ini tidak bercanggah dengan Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] berkaitan tempoh pengajian pendidikan menengah rendah (selama tiga tahun) dan pendidikan menengah atas (yang sesuai dengan kebolehan dan bakat seseorang murid yang telah tamat pendidikan menengah rendah).

5.5.4 Murid pintar cerdas juga berpeluang menduduki peperiksaan antarabangsa seperti *Scholastic Aptitude Test* (SAT), *Test of English as a Foreign Language* (TOEFL), *International English Language Testing System* (IELTS), *Advanced Placement* (AP), dan yang berkaitan bagi keperluan kemasukan ke universiti luar negara dengan pembiayaan sendiri atau melalui pembiayaan mana-mana pihak.

5.5.5 Merujuk kepada Akta Pendidikan (1996) murid pintar cerdas yang ingin menduduki peperiksaan lain perlu mendapatkan kebenaran khas bertulis daripada Pengarah Peperiksaan LP.

5.5.6 Sepanjang tempoh pembelajaran, murid pintar cerdas yang mencapai standard yang ditetapkan boleh dipecutkan mengikut kebolehan masing-masing sama ada pecutan melalui topik, subjek atau gred. Peringkat Pendidikan murid adalah seperti Rajah 2.

Rajah 2: Peringkat Pendidikan



5.5.7 Semua murid pintar cerdas diwajibkan untuk bermula dengan Asas 1 sehingga lengkap. Murid pintar cerdas hanya boleh melangkau tahun pengajian setelah tamat Asas 1 sekiranya didapati memenuhi syarat dan kriteria yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Mesyuarat Lembaga Kurikulum.

5.5.8 Pelaporan pencapaian berdasarkan *Cumulative Grade Point Average (CGPA)* akan direkodkan dalam sistem analisis peperiksaan. Pentaksiran yang dilakukan secara berterusan dari Asas 1 hingga Asas 3 akan menentukan kebolehan murid untuk mendapatkan SPM dan *GENIUS@Pintar Junior Certificate* yang dikeluarkan oleh pembekal perkhidmatan UKM atau sijil yang setaraf dengannya. Pentaksiran yang dilakukan secara berterusan dari Tahap 1 dan 2 pula menentukan kebolehan murid untuk mendapatkan *GENIUS@Pintar High School Diploma* yang dikeluarkan oleh pembekal perkhidmatan UKM atau sijil yang setaraf dengannya.

5.5.9 Murid pintar cerdas yang berjaya memperoleh *GENIUS@Pintar High School Diploma* akan berpeluang memohon untuk melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara.

5.6 Pengurusan Hal Ehwal Murid

5.6.1 Pengenalpastian murid pintar cerdas akan menggunakan Ujian Saringan UKM1, UKM2 dan UKM3 serta penilaian yang diselaraskan oleh Bahagian GENIUS, KPM.

5.6.2 Murid yang telah melepas Ujian Saringan UKM1, UKM2 dan UKM3 boleh ditawarkan ke sekolah yang melaksanakan PPPC.

5.6.3 Kaedah pemilihan dan saringan murid mengutamakan tahap kecerdasan kognitif yang tinggi atau tahap umur mental yang tinggi.

5.6.4 Syarat pengambilan murid adalah tertakluk kepada dasar kemasukan murid ke sekolah PPPC dan memenuhi perkara berikut:

- i. terbuka kepada warganegara Malaysia berumur seawal 11+ tahun;
- ii. telah melepas Ujian Saringan UKM1, UKM2 dan UKM3;
- iii. bersetuju mengikuti PPPC hingga tamat; dan
- iv. sekiranya murid memohon bertukar ke sekolah lain, maka perlu mematuhi dasar dan syarat sedia ada.

5.7 Pengurusan Kokurikulum

5.7.1 Kegiatan kokurikulum merangkumi tiga (3) aktiviti utama iaitu Pasukan Badan Beruniform, Kelab/Persatuan dan Sukan/Permainan. Penyertaan dalam ketiga-tiga kegiatan ini merupakan aktiviti luar bilik darjah dan sebahagian daripada proses PdP di sekolah.

5.7.2 Setiap murid perlu menganggotai Pasukan Badan Beruniform, Kelab/Persatuan dan Sukan/Permainan. Dalam hal ini, setiap murid perlu memilih salah satu aktiviti yang terdapat dalam setiap bidang kegiatan kokurikulum tersebut. Ini bermakna setiap murid akan menyertai tiga (3) kegiatan seperti berikut:

- i. Aktiviti Pasukan Badan Beruniform seperti Kadet Remaja Sekolah, Pandu Puteri, Pengakap, Seni Bela Diri dan sebagainya;
- ii. Aktiviti Kelab/Persatuan seperti Persatuan Bahasa Melayu, Kelab Pencinta Alam, Kelab Reka Cipta dan sebagainya; dan
- iii. Aktiviti Sukan/Permainan seperti ragbi, memanah, bola keranjang, kriket, hoki, bola jaring dan sebagainya.

5.7.3 Bagi menentukan murid sentiasa cergas dan bergiat aktif dalam kegiatan kokurikulum, penilaian kokurikulum dilakukan pada setiap tahun sepanjang persekolahan.

6.0 Penutup

Garis Panduan Pengoperasian Program Pendidikan Pintar Cerdas Di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memastikan PPPC dapat dilaksanakan dengan berkesan sebagai platform khusus kepada murid pintar cerdas agar mereka dapat memberi sumbangan semaksimumnya dalam pembangunan negara.

**Kementerian Pendidikan Malaysia
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya**